

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# 691 kes baharu, 394 babit Kluster Tembok

Dr Noor Hisham ajak rakyat henti tuding kesalahan, bersatu putus rantai jangkitan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Jumlah kes positif COVID-19 semalam, meningkat kepada 691 kes baharu dan lebih separuh daripadanya atau 394 kes dikesan dalam Kluster Tembok yang membabitkan penjara di Kedah dan sebahagian besar lagi di Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes baharu tertinggi yang dicatatkan di penjara di Kedah itu membabitkan 57 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Semua kes positif dalam Kluster Tembok itu adalah kluster terasing dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dan di dalam penjara. Ini bermakna mereka terasing daripada masyarakat," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Memperincikan mengenai kes baharu COVID-19 itu, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 688 kes penularan tempatan dan tiga kes import mendapat jangkitan dari luar negara.

"Selain 394 kes dikesan dalam Kluster Tembok, tiga lagi kes dikesan dalam Kluster Bah Sintok yang membabitkan warganegara.

"219 kes pula dikesan di Sabah iaitu 120 kes saringan bergejala, kes saringan komuniti membabitkan warganegara (86); Kluster

Bangau-Bangau (30); Kluster Ramai-Ramai (19); masing-masing lima kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19 dan kes saringan petugas kesihatan serta empat kes saringan masuk kerja.


"Selangor mencatatkan 38 kes iaitu 17 kes saringan pulang dari kawasan berisiko (Sabah), 11 kes Kluster Jalan Meru, sembilan kes saringan kontak rapat dan satu kes dari Kluster Embun," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Perak turut mencatatkan pertambahan lapan kes baharu iaitu tujuh daripada Kluster Batu iaitu satu kluster baharu dan satu kes dikesan dalam saringan pulang dari Sabah.

"Negeri Sembilan mencatatkan tujuh kes baharu iaitu semuanya hasil saringan pulang dari Sabah, diikuti Johor enam kes baharu iaitu masing-masing tiga kes dikesan ketika saringan pulang dari Sabah dan Kluster Jalan Meru.

"Empat kes dikesan di Kuala Lumpur iaitu masing-masing satu kes ketika saringan pulang dari Sabah, Kluster Jalan Meru, saringan pembedahan dan saringan kontak rapat.

"Sarawak mencatatkan tiga kes baharu iaitu masing-masing satu kes pulang dari Sabah, kes saringan di pintu masuk domestik dari Semenanjung dan kes saringan kontak rapat. Di Pulau Pinang tiga kes dilaporkan iaitu masing-masing satu kes pulang dari Sabah, saringan jangkitan pernafasan akut teruk (SARI) dan sa-



ringan kematian," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, masing-masing satu kes dikesan di Terengganu, Putrajaya dan Labuan.

"Sehingga kini, 31 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan lapan kes memerlukan bantuan pernafasan, menjadikan kumulatif kes COVID-19 di negara ini 13,504 kes dengan kes aktif dan kebolehjangkitan 2,936 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, dua kluster baharu dikesan semalam iaitu Kluster Batu di Perak dan

Kluster Ramai-Ramai di Sandakan, Sabah.

Sementara itu, beliau mengajak rakyat bersatu dan berhenti menuding kesalahan kepada pihak lain atas perkara yang berlaku.

Dalam tiga ciapan Twitternya semalam, beliau berkata, pilihan yang ada ketika ini adalah sama ada semua rakyat boleh bersatu untuk memutuskan rantai jangkitan atau membiarkan angka jangkitan baharu terus meningkat.

"Di mana kita mahu berada, kita perlu memutuskan sama ada bersatu melawan musuh bersama

atau terus membiarkan angkanya berulang-ulang ketika jumlahnya kini semakin meningkat. Barisan depan kami sudah berada di lapangan," katanya.

Ketika ini, beliau berkata, pihaknya memberi fokus untuk mengawal pergerakan komuniti skala besar yang dikuatiri boleh menyebabkan risiko penularan lebih besar.

"Kita memerlukan solidariti dan perpaduan yang kuat, bersama-sama kita boleh melawan musuh ini dengan lebih baik," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

**Saringan COVID-19  
didapati positif  
pada semalam (kelmarin)  
dan mangsa disahkan  
meninggal dunia  
semalam (kelmarin).**

*Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan*



## Kematian pertama babitkan bayi

**Putrajaya:** Seorang bayi perempuan antara empat kematian berkaitan COVID-19 yang dilaporkan semalam, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata, bayi perempuan berusia setahun yang juga warganegara Malaysia itu adalah kes kematian ke-140 yang dicatat setakat tengah hari semalam.

Katanya, bayi itu mendapatkan rawatan di Hospital Semporna pada 1 Oktober lalu.

"Kesihatan bayi itu merosot dan memerlukan bantuan pernafasan.

"Saringan COVID-19 didapati positif pada semalam (kelmarin) dan mangsa disahkan meninggal dunia semalam (kelmarin) pada jam 4.25 petang," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Ini adalah kematian pertama kes COVID-19 membabitkan bayi di negara ini.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan kematian termuda membabitkan seorang wanita berusia 23 tahun yang juga menghidap tiroid dan meninggal dunia di Hospital Umum Sarawak pada 9 April lalu.

Selain itu, Dr Noor Hisham berkata, kes kematian ke-138 membabitkan seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 60 tahun

yang dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent Sandakan pada 25 September 2020.

Beliau berkata, saringan COVID-19 didapati positif pada 26 September 2020, manakala keadaan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia pada jam 6.50 pagi Ahad lalu.

Katanya, kes kematian ke-139 membabitkan seorang lelaki warganegara Malaysia juga berusia

60 tahun. Mangsa mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Semporna pada 1 September lalu.

"Saringan COVID-19 didapati positif pada 30 September 2020. Beliau disahkan meninggal dunia pada Ahad lalu jam 5.05 pagi.

"Kes kematian ke-141 membabitkan lelaki warganegara Malaysia berusia 85 tahun.

"Beliau mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit kesihatan mental," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, lelaki itu ditemui tidak sedarkan diri pada jam 7 pagi kelmarin dan terus dibawa ke Hospital Pulau Pinang.

Beliau berkata, mangsa didapati tidak bernafas di Hospital Pulau Pinang dan disahkan meninggal dunia pada jam 7.50 pagi kelmarin, manakala saringan COVID-19 terhadapnya dikesan positif.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

# Bayi korban wabak

Malaysia catat peningkatan tertinggi 691 kes sejak Januari lalu

Oleh Suraya Roslan dan  
Muhaamad Hafis Nawawi  
am@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Malaysia terus merekodkan peningkatan kes baharu Covid-19 iaitu 691 kes semalam dan yang tertinggi sejak wabak itu mula dikesan di negara ini, pada akhir Januari lalu.

Malah buat kali pertama seorang bayi perempuan berusia setahun menjadi mangsa termuda dilaporkan meninggal dunia akibat Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bayi itu mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Semporna, 1 Oktober lalu.

"Keadaan kesihatan kes didapati merosot dan disahkan meninggal dunia pada 4 Oktober 2020 jam 6.50 pagi. "Bagi kematian ke-139 (iaitu kes ke-12,431) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 60 tahun dan mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Semporna pada 1 September lalu," katanya.

Menurutnya, saringan Covid-19 didapati positif pada 30 September dan disahkan meninggal dunia pada 4 Oktober jam 5.05 pagi," katanya.

Bagi kes kematian ke-141 (iaitu kes ke-13,067) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun.

"Mangsa mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit kesihatan mental.

"Keadaan mangsa didapa-

DR NORADHIAH Tumirin melakukan proses ujian saringan Covid-19 di Selcare Clinic Puchong, semalam.



ti merosot dan disahkan meninggal dunia pada 4 Oktober 2020 jam 6.50 pagi.

"Bagi kematian ke-139 (iaitu kes ke-12,431) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 60 tahun dan mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Semporna pada 1 September lalu," katanya.

Menurutnya, saringan Covid-19 didapati positif pada 30 September dan disahkan meninggal dunia pada 4 Oktober jam 5.05 pagi," katanya.

Bagi kes kematian ke-141 (iaitu kes ke-13,067) adalah lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun.

"Mangsa mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit kesihatan mental.

"Mangsa ditemui tidak sadar diri pada 5 Oktober 2020, jam 7 pagi dan terus dibawa ke Hospital Pulau Pinang. Kes didapati tidak bernafas di Hospital Pulau Pinang dan disahkan meninggal dunia 5 September 2020 jam 7.50 pagi. Saringan Covid-19 dikesan positif," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, angka baharu semalam menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan Covid-19 di negara ini sebanyak 13,504 dengan 2,936 kes aktif setakat ini.

Daripada jumlah kes baharu itu, beliau berkata, sebanyak 688 kes membabitkan jangkitan dalam negara dan tiga lagi kes import.

"Sebanyak 688 kes penularan dalam negara membabitkan 661 kes wargane-

gara Malaysia dan 27 warga asing.

"Daripada 688 kes dimaklumkan sekali lagi sebanyak 394 kes adalah kes yang dikesan daripada Kluster Tembok iaitu di Penjara di Kedah iaitu meliputi 57 peratus daripada jumlah keseluruhan kes semalam.

"Semua kes positif dalam Kluster Tembok adalah kluster terasing dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dan di dalam penjara. Ini bermakna mereka terasing daripada masyarakat," katanya.

Menurutnya, sebanyak 87 kes pulih dicatat, menjadikan jumlah kumulatif discaj sebanyak 10,427 daripada keseluruhan kes jangkitan," katanya.

## Dr Noor Hisham jalani kuarantin sendiri

**Kuala Lumpur:** Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menjalani kuarantin sendiri di rumahnya.

Perkara itu disahkan seorang pegawai kanan daripada Unit Komunikasi Korporat (UKM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pegawai berkenaan turut memaklumkan Dr Noor Hisham tidak menghadiri sidang media jam 5.30 petang semalam di Putrajaya.

"Untuk makluman, DG (Ketua Pengarah) sedang kuarantin sendiri.

"Facebook (Fb) KKM juga siarkan PC (sidang media) DG (Ketua Pengarah) secara langsung jam 5.30 petang dari rumah beliau tanpa kehadiran media.

"Sebutkan nama dan media. DG akan menjawab soalan-soalan yang bertepatan," katanya.

## Dua lagi kluster baharu dikesan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesan dua lagi kluster di Perak dan Sabah iaitu Kluster Batu Sertu Kluster Ramai-Ramai.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Batu Sertu dikenal pasti di Taiping, Perak apabila hasil saringan dalam kalangan kakitangan dan ahli keluarga sebuah kem tahanan.

Menurutnya, hasil saringan ini mendapati sebanyak tujuh kes dikesan positif Covid-19 kelmarin dan mereka semua dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak.

"Sehingga jam 12 tengah hari semalam (kelmarin), sejumlah 860 individu disaring iaitu tujuh positif, 182 negatif dan 671 masih menunggu keputusan.

"Kluster Ramai-Ramai dikenal pasti di Sandakan, Sabah di mana kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-12161) adalah seorang pemandu bas dan mengalami gejala sakit tekak dan demam bermula 27 September lalu," katanya pada sidang media semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kes dikesan positif Covid-19 pada 3 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan untuk rawatan.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan 19 lagi kes positif Co-



Sehingga 12 tengah hari semalam

(kelmarin), sejumlah 860 individu disaring iaitu tujuh positif, 182 negatif dan 671 masih menunggu keputusan. Kluster Ramai-Ramai dikenal pasti

di Sandakan, Sabah di mana kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-12161) adalah seorang pemandu bas dan mengalami gejala sakit tekak dan demam bermula 27 September lalu"

Dr Noor Hisham

vid-19 dikenal pasti. Semua kes positif ini membabitkan warganegara Malaysia.

"Mereka sudah dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah untuk rawatan," katanya.

Beliau berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, sejumlah 166 individu disaring iaitu 20 dikesan positif Covid-19 dan 146 individu masih menunggu keputusan.

"Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • RABU 7 OKTOBER 2020

## MEMERANGI WABAK COVID-19

#JanganPutusAsa  
#Malaysia

## Zulkifli ambil peluang bermuhasabah

**SHAH ALAM** - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri memanfaatkan tempoh yang dilalui beliau ketika ini untuk bermuhasabah dan meneliti ruang penambahbaikan bagi diri beliau selepas disahkan positif jangkitan koronavirus (Covid-19) kelmarin.

Pada masa sama, Zulkifli dengan penuh ikhlas sekali lagi memohon maaf di atas apa yang berlaku.

"Saya dari lubuk hati yang benar-benar ikhlas, sekali lagi memohon maaf atas apa yang berlaku," ujar beliau menerusi catatan di akaun Facebook rasmi miliknya semalam.

Bagaimanapun, Zulkifli berkata, tetap menjadi amanah dan bertanggungjawab beliau untuk melaporkan sebarang perkembangan tindakan urus hal

ehwal Islam di peringkat Persekutuan pada setiap bulan seperti mana dilakukan sejak Mac lalu.

Sehubungan itu, dalam hantaran di akaun Facebooknya, beliau melampirkan Kad Laporan Bulan Ogos 2020 bagi agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

"Setiap sen yang dibelanjakan bagi sebarang bentuk urusan berkait tadbir urus Islam di peringkat Persekutuan adalah amanah daripada rakyat."

"Jadual saya pada bulan Ogos, kebanyakannya tertumpu di Parlimen, pun begitu, alhamdulillah agensi di bawah saya amat memahami dan tetap menggerakkan program masing-masing dengan penuh komited," kata beliau lagi menerusi catatan sama.

## 11 wartawan, jurukamera di Kelantan jalani ujian Covid-19

**KOTA BHARU** - Seramai 11 orang wartawan dan jurukamera pelbagai agensi di negeri ini hadir ke Klinik Kesihatan Wakaf Che Yeh di sini semalam bagi menjalani ujian saringan koronavirus (Covid-19) selepas terlibat dalam satu program bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri baru-baru ini.

Kumpulan wartawan dan jurukamera yang juga ahli Kelab Media Kelantan Darulnaim (Kemudi) itu mengambil keputusan demikian sejourus menerima maklumat Zulkifli disahkan positif wabak itu kelmarin.

Exco Kebajikan Kemudi, Ahmad Faris Abdul Halim ketika ditemui pemberita memberitahu, pihaknya amat prihatin dan menjaga kebajikan

an ahli terutamanya mereka yang terdedah kepada pelbagai risiko semasa menjalankan tugas.

"Difahamkan, kumpulan media itu hadir untuk membuat liputan salah satu program Datuk Seri Dr Zulkifli yang diadakan di Dewan Jubli Perak pada 25 September.

"Jadi, kesemuanya mengambil keputusan untuk buat ujian hari ini (semalam) bagi memastikan bebas daripada jangkitan pandemik tersebut.

"Pelbagai risiko menanti kami (golongan media) sebab tugas kami melibatkan orang ramai. Apa yang penting, jaga diri, jaga kita. Insya-ALLAH, semuanya akan selamat," kata beliau.

Kumpulan wartawan dan jurukamera tersebut tiba di klinik berkenaan seawal jam 8 pagi.



Kumpulan wartawan dan jurukamera yang terlibat dengan salah satu program dihadiri Zulkifli hadir di Klinik Kesihatan Wakaf Che Yeh semalam bagi menjalani ujian saringan Covid-19.

## 90 individu disaring negatif Covid-19

Merupakan kontak rapat Zulkifli yang disaring Kementerian Kesihatan Malaysia

Oleh TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMMAD

PUTRAJAYA

**S**eramai 90 individu kontak rapat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang disaring Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) disahkan negatif jangkitan koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia termasuk semua ahli mesyuarat yang hadir pada mesyuarat Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Mereka semua didapati negatif termasuk yang hadir pada mesyuarat JPM pada 3 Oktober lalu," katanya pada sidang akhbar menerusi laman Facebook yang disiarkan secara langsung dari kediamannya di sini semalam.

Menurut Dr Noor Hisham, pejabat kesihatan daerah kini dalam proses mengenal pasti kontak rapat dan menjalankan



Zulkifli (dua dari kanan) ketika menghadiri Majlis Pelancaran Portal Jom Infaq Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Galeri Canselor USIM Nilai pada Jumaat lalu.

penilaian risiko serta saringan. "Pejabat kesihatan daerah akan terus menjalankan proses mengenal pasti kontak lain," katanya.

Dalam pada itu di **KOTA BHARU**, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan melakukan penilaian risiko bagi mengenalpasti kontak rapat yang perlu menjalani ujian saringan Covid-19 berkait kes Menteri Hal Ehwal Agama itu.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Zaimi Hussin berkata, individu terlibat sedang dihubungi pejabat kesihatan daerah berdekatan untuk hadir bagi menjalani ujian saringan di klinik kesihatan berdekatan.

Menurutnya, Jabatan Kesihatan juga telah mengenalpasti program yang dihadiri oleh Zulkifli semasa berada di Kelantan pada 25 September lalu.

"Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan mengambil maklum isu di laman sosial berkaitan Menteri Agama telah disahkan positif Covid-19.

"Perlu diingatkan, bukan semua individu yang hadir pada program melibatkan Zulkifli ketika beliau berada di Kelantan merupakan kontak rapat," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Kelmarin, Zulkifli disahkan positif Covid-19 dan dirawat di sebuah hospital di Seremban.

## ADUN Maharani positif Covid-19

**JOHOR BAHRU** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Maharani, Norhayati Bachok yang terlibat dalam kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah disahkan positif Covid-19.

Beliau ketika dihubungi memaklumkan sedang mendapatkan rawatan di Hospital Kluang.

Norhayati disahkan positif virus itu selepas menjalani ujian pengesanan kali kedua pada 4 Oktober lalu namun ujian pertama pada 26 September didapati negatif.

Sementara itu, Pusat Khidmat Wakil Rakyat ADUN Maharani menerusi satu kenyataan



NORHAYATI

an memaklumkan semua kontak rapat beliau telah dikenal pasti oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah Muar dan sedang menanti keputusan saringan.

Kenyataan itu juga memaklumkan, ADUN terbabit mengambil inisiatif kuarantin sendiri di rumah dan mengasingkan diri walaupun tiada arahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Pihak kami memohon maaf kepada semua yang terkesan walaupun langkah kuarantin di rumah dipatuhi," katanya.

## Lelaki OKU pakai gelang pink di pasar raya ditahan

**MELAKA** - Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) yang memakai gelang merah jambu ditahan ketika sedang membeli-belah di sebuah pasar raya di bandar Melaka di sini malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad berkata, lelaki OKU pendengaran itu datang ke premis berkenaan bersama isterinya untuk membeli barang.

"Isterinya beritahu suaminya pemegang kad OKU pendengaran. Lelaki itu memakai gelang tangan berwarna merah jambu yang mana tempoh kuarantin bermula 30 September hingga 15 Oktober ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

RABU 7 OKTOBER 2020 • SINAR HARIAN

# 691 kes positif baharu

Empat kes kematian turut direkodkan termasuk seorang bayi perempuan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sebanyak 691 kes baharu positif coronavirus (Covid-19) dan empat kematian semalam. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah keseluruhan kes meningkat kepada 13,504 kes. "Kes aktif pula meningkat kepada 2,936 kes," katanya pada

sidang akhbar menerusi laman Facebook KKM yang dipancarkan dari kediamannya di sini semalam. Menurutnya, daripada 688 kes penularan dalam negara, sebanyak 394 kes merupakan kes yang dikesan daripada Kluster Tembok iaitu di penjara di Kedah. "Kesemua kes positif dalam Kluster Tembok yang merupakan kluster terasing dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dan dalam penjara. "Ini bermakna mereka terasing daripada masyarakat," katanya. Sementara itu, tiga lagi kes di Kedah dikesan daripada Kluster Bah Sintok. Dr Noor Hisham berkata, KKM mengesan sejumlah 219 kes di Sabah yang terdiri daripada 120 kes saringan bergejala, 36 kes saringan komuniti dan 30

kes Kluster Bangau-bangau. "Sebanyak 19 kes adalah daripada Kluster Ramai-Ramai, masing-masing lima kes saringan kontak rapat kes positif dan saringan petugas kesihatan serta empat lagi saringan masuk kerja," katanya. Menurutnya, Selangor negeri ketiga tertinggi kes baharu harian positif Covid-19 dengan 38 kes. "Ia melibatkan 17 kes saringan pulang dari Sabah, 11 Kluster Jalan Meru, sembilan dikesan positif dalam saringan kontak rapat dan satu Kluster Embun," katanya. Dalam pada itu, mengulas mengenai kes kematian yang direkodkan, Dr Noor Hisham berkata, seorang bayi perempuan berusia setahun antara empat yang terkorban. "Bayi tersebut dibawa untuk mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Semporna pada 1 Oktober.

## Kes Kematian Baharu COVID-19 Di Malaysia

Kes Kematian	Kes	Jantina	Umr (tahun)	Hospital	Latar Belakang
138	11,154	Lelaki	60	Hospital Duchess of Kent Sarawakan	-
139	12,431	Lelaki	60	Hospital Semporna	-
140	12,432	Perempuan	1	Hospital Semporna	-
141	13,067	Lelaki	85	Hospital Pulau Pnang	Mempunyai penyakit darah tinggi dan penyakit kesihatan mental.


## 141 Kematian

(Kadar kematian 1.04%)  
Setakat 06 Oktober 2020  
Sumber: KEMK, Kementerian Kesihatan

"Keadaan kesihatan kes (mangsa) didapati merosot dan memerlukan bantuan pernafasan," katanya. Menurut Dr Noor Hisham, saringan Covid-19 terhadap bayi berkenaan kelmarin didapati positif.

"Bayi tersebut disahkan meninggal dunia semalam (kelmarin) jam 4.25 petang," katanya. Beliau berkata, KKM turut merekodkan dua kematian melibatkan pesakit lelaki berusia 60 tahun dan seorang lelaki berumur 85 tahun.

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : NEGERI

### 62 pelajar di Terengganu dikuarantin

**KUALA TERENGGANU** - Seramai 62 pelajar, 23 guru serta lima kakitangan sokongan yang dikenal pasti mempunyai kontak rapat kepada pesakit Covid-19 telah menjalani ujian saringan dan diletak di bawah perintah pengawasan serta dikuarantin.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus berkata, kesemua mereka ialah individu yang mempunyai kontak kepada pesakit yang pulang dari Sabah iaitu bagi lima kes positif Covid-19 yang dilaporkan kelmarin.

"Sebanyak lima kes dilaporkan pada 5 Oktober lalu di mana dua kes merupakan kontak rapat kepada pesakit yang pulang dari Sabah manakala tiga lagi adalah kontak rapat kepada pesakit yang pernah menaiki pesawat sama dengan

pesakit yang baru pulang dari Sabah.

"Itu menjadikan kes masih dalam rawatan (aktif) adalah 25 kes dengan dua kes merupakan pelajar dari dua buah sekolah di Kuala Nerus," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, sebagai langkah kawalan, kedua-dua sekolah berkenaan ditutup sementara selama tujuh hari sejak kelmarin hingga 11 Oktober ini.

Sehingga kini, tiga sekolah ditutup di Terengganu kerana warganya disahkan positif Covid-19 iaitu SK Padang Kemunting di samping SK Kompleks Seberang Takir dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kompleks Seberang Takir masing-masing di Kuala Nerus.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : DALAM NEGERI

4

UTUSAN MALAYSIA  
 RABU • 7 OKTOBER 2020

## Dalam Negeri



691 kes dicatatkan semalam

# Bayi antara mangsa Covid-19

Oleh HASIF IDRIS  
 utusannews@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Kewujudan Kluster Batu di Perak dan Kluster Ramai-Ramai di Sandakan, Sabah meningkatkan lagi kebimbangan orang ramai terhadap penularan pandemik Covid-19.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak empat kes kematian turut dilaporkan melibatkan bayi perempuan berusia setahun, dua lelaki berusia 60 tahun dan warga emas (85 tahun).

Beliau berkata, sebanyak 394 kes dikesan daripada Kluster Tembok iaitu penjara di Kedah yang meliputi 57 peratus daripada jumlah keseluruhan kes semalam, 294 kes-kes lain dan tiga kes import.

"Kesemua kes positif dalam Kluster Tembok merupakan kluster terasing di dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dan di dalam penjara. Ini bermakna mereka terasing daripada masyarakat.

"Kes import pula melibatkan seorang rakyat tempatan yang pulang dari India manakala dua individu bukan warganegara pulang dari Mesir dan Filipina," katanya mengenai perkembangan terkini kes Covid-19.

Beliau berkata, berlaku 219 kes di Sabah melibatkan 120 kes saringan bergejala; 36 kes sari-



**SEORANG lelaki berumur 80-an meninggal dunia dipercayai dijangkiti Covid-19 ketika ditahan di Penjara Reman Pulau Pinang. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OM**

ngan komuniti; 30 kes daripada Kluster Bangau-Bangau; 19 kes daripada Kluster Ramai-Ramai; saringan kontak rapat kes positif Covid-19 dan saringan petugas kesihatan masing-masing lima kes serta empat kes saringan

masuk kerja melibatkan rakyat tempatan.

Menurutnya, selain Kluster Tembok di Kedah, kes terkini turut disumbangkan daripada Kluster Bah Sintok melibatkan rakyat tempatan dengan tiga kes.

"Selangor merekodkan 38 kes; Perak (8); Negeri Sembilan (7); Johor (6); Kuala Lumpur (4); Sarawak (3); Pulau Pinang (3); Terengganu, Putrajaya dan Labuan masing-masing satu kes," katanya.

Bagi Kluster Batu, Dr. Noor Hisham berkata, kluster baharu itu berpunca di Taiping, Perak yang dikenal pasti hasil saringan dalam kalangan kakitangan dan ahli keluarga sebuah kem tahanan.

"Hasil saringan mendapati sebanyak tujuh kes dikesan positif Covid-19 semalam dan kesemuanya dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak.

"Sehingga pukul 12 tengah hari semalam, sejumlah 860 individu disaring dengan 182 individu dikesan negatif dan 671 individu masih menunggu keputusan. Punca jangkitan masih dalam siasatan," jelasnya.

Beliau memberitahu, Kluster Ramai-Ramai yang dikenal pasti di Sandakan, Sabah melibatkan kes indeks kluster itu iaitu kes ke-12,161 merupakan seorang pemandu bas dan mengalami gejala sakit tekak serta demam bermula 27 September lalu.

"Kes dikesan positif COVID-19 pada 3 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Dutchess of Kent, Sandakan untuk rawatan.

"Susulan itu, saringan kontak rapat dijalankan dan 19 lagi kes positif Covid-19 dikenal pasti. Semua kes positif ini melibatkan rakyat tempatan dan mereka dimasukkan ke Hospital Dutchess of Kent, Sandakan untuk rawatan. Punca jangkitan juga masih dalam siasatan," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : NEGARA

Kosmo! RABU 7 OKTOBER 2020


Negara!

3


Covid-19 #kitamestimenang




Pecahan kes harian mengikut negeri



Kawasan zon merah dan kuning



Bilangan kes harian dan kes pulih





AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

4

Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo/RABU 7 OKTOBER 2020

691 kes baharu, empat kematian termasuk seorang bayi direkodkan semalam

## Kes harian Covid-19 terus melonjak

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian Covid-19 yang dilaporkan tertinggi semalam melonjak lagi kepada 691 kes sejak wabak tersebut melanda negara sekali gus menjadikan jumlah kes positif sebanyak 13,504 kes.

Lebih separuh daripada kes tersebut disumbangkan daripada Kluster Tembok iaitu penjara di Kedah membabitkan 394 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dalam masa sama, jumlah kes harian semalam antara lain turut mencetuskan dua kluster baharu iaitu Kluster Batu di Taiping, Perak dan Kluster Ramai-Ramai di Sandakan, Sabah.

"Bagi Kluster Batu, ia dikenal pasti selepas hasil saringan kaki-tangan dan ahli keluarga sebuah kem tahanan dengan tujuh kes

positif Covid-19 pada Isnin," katanya pada sidang akhbar yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Kementerian Kesihatan semalam.

Noor Hisham berkata, Kluster Ramai-Ramai melibatkan kes indeks seorang pemandu bas yang mengalami gejala sakit tekak dan demam bermula 27 September.

"Dia dikesan positif pada 3 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Dutchess of Kent untuk rawatan.

"Selepas saringan kontak rapat, 19 lagi kes positif dikenal pasti melibatkan warga Malaysia serta telah dimasukkan ke Hospital Dutchess of Kent untuk rawatan," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kluster aktif lain menyumbang dalam kes semalam ialah Kluster Bangau-Bangau (30 kes); Kluster Jalan Meru (15 kes); Klus-

ter Bah Sintok (tiga kes); Kluster Benteng PK (dua kes) serta masing-masing satu kes bagi Kluster Selasih dan Kluster Embun.

Sementara itu, beliau berkata, empat kematian baharu termasuk seorang bayi perempuan berusia setahun turut dilaporkan di Sabah dan Pulau Pinang menjadikan sebanyak 141 kes kematian iaitu 1.04 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-138 membabitkan lelaki berusia 60 tahun dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent pada 25 September disahkan positif pada 26 September dan keadaannya merosot serta disahkan meninggal dunia pada Ahad pukul 6.50 pagi.

"Seterusnya kematian melibatkan lelaki berusia 60 tahun dan kes tersebut mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Sempor-



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	691
• Import: 3 Tempatan: 688	
• Pulih	87
• Kematian	4
• Masih dirawat	2,936
• Jumlah kes sembuh	10,427
• Jumlah Kematian	141
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>13,504</b>

na pada 1 September, didapati positif pada 30 September serta disahkan meninggal dunia pada Ahad pukul 5.05 pagi.

"Kes bayi tersebut pula dibawa mendapatkan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Semporna pada 1 Oktober dan keadaan kesihatannya merosot dan memerlukan bantuan pernafasan. Bayi itu disahkan positif pada Isnin dan meninggal dunia pukul 4.25 petang," katanya.

Bagi kes kematian ke-141, beliau berkata, ia melibatkan lelaki berusia 85 tahun mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit kesihatan mental.

"Lelaki itu ditemui tidak sedar diri pada Isnin pukul 7 pagi dan terus dibawa terus ke Hospital Pulau Pinang.

"Lelaki tersebut didapati tidak bernafas dan disahkan meninggal dunia pukul 7.50 pagi dan saringan Covid-19 dikesan positif," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEWS/ STORY OF THE DAY



Returnees from Sabah waiting to undergo Covid-19 screening at the Tang Lin health clinic in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY AIZUDDIN SAAD

'Continue to fight or cry over spilled milk'

**KUALA LUMPUR:** Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah tweeted a cryptic message to the public yesterday amid the exponential rise in Covid-19 cases.

"Where do we want to be, we need to decide either to come together, be united and be stronger to fight the common enemy or continue to cry over spilled milk over and over when the numbers are increasing.

"Our frontliners are already on the ground," he posted yesterday.

Dr Hisham also shared a picture of a graph depicting the spike in Covid-19 cases, alongside the tweet.

He said this on the heels of Malaysia registering 432 new Covid-19 cases on Monday, a record high.

Almost all were also local transmissions.

#### PANDEMIC WATCH

# COVID-19 INFECTIONS HIT ALL-TIME HIGH WITH 691 CASES

394 of new cases detected from Tembok cluster, says Health D-G

NURADZIMMAH DAIM  
 KUALA LUMPUR  
 news@nst.com.my

**W**ITH 691 new Covid-19 cases recorded yesterday, Malaysia has the highest daily count for the virus to date.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 394 of the new cases were detected from the Tembok cluster (Alor Star Prison).

He said 2,936 active cases had been isolated and were undergoing treatment.

He said 87 patients had recovered and were discharged yesterday.

He said the total number of patients who recovered up to noon



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

yesterday stood at 10,427 (77.2 per cent) of the cumulative confirmed cases.

"A total of 31 patients are in the Intensive Care Unit, with eight on ventilator support.

"Four new deaths were reported to the Crisis Preparedness and Response Centre and the death toll stood at 141 (1.04 per cent of the cumulative cases)," said Dr

Noor Hisham, who is under self-quarantine at home, on Facebook live-stream yesterday.

It included a 1-year-old Malaysian baby girl, who was the country's youngest known victim of Covid-19.

Dr Noor Hisham Abdullah said the patient, Case 12,432 was the country's 140th Covid-19 death. The baby was sent to Tawau Hospital's Emergency and Trauma Department on Oct 1, he said.

"The baby's health condition deteriorated and she required breathing support. Covid-19 screening conducted on her turned out positive. She was pronounced dead on Oct 5 at 4.25pm."

He also said two new Covid-19 clusters had been identified in Perak and Sabah.

The Batu Cluster was detected in Taiping, Perak, following Covid-19 screenings involving detention camp staff and their relatives.

The cluster registered seven positive cases on Oct 5 and they have been admitted to Raja Per-

maisuri Bainun Hospital in Perak.

"Up to noon yesterday, 860 people have been screened for Covid-19 with seven testing positive, 182 negative and 671 awaiting results."

The Ramai-Ramai Cluster, meanwhile, was detected in Sandakan, Sabah.

"The cluster's index case (Case 12,161) is a bus driver who had sore throat and fever on Sept 27.

"He tested positive on Oct 3 and was admitted to Duchess of Kent Hospital in Sandakan for treatment.

"Following that, close contact tracing was conducted and 166 individuals were screened."

Of this, he said, 20 tested positive, while 146 were awaiting results.

The source of infection for the clusters was being investigated, he said.

Apart from these clusters, Dr Noor Hisham said, there were seven other active Covid-19 clusters. They are the Tembok Cluster with 394 new cases, Bangau-Bangau (30), Jalan Meru (15), Bah Sin-

tok (three), Benteng PK (two), Selasih (one) and Embun (one).

Dr Noor Hisham said apart from Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri, none of the people who attended the special National Security Council (NSC) meeting on Oct 3 tested positive for Covid-19.

He said 90 close contacts of Zulkifli had been screened for the virus.

"Up to noon today (yesterday), 90 people have been screened for Covid-19. The results for all of them, including all those who attended the meeting on Oct 3, turned out negative.

"The district health offices are identifying his (Zulkifli's) close contacts and are carrying out the risk assessment and evaluation."

He said the public would be updated on the situation.

Dr Noor Hisham also attended the NSC meeting.

He said up to yesterday, the patient occupancy rate at six government hospitals in Sabah was at 75 per cent, with additional wards opened in hospitals across the state — one in Kota Kinabalu, two in Tawau and one each in Lahad Datu and Sandakan.

However, sources at Tawau Hospital told the *New Straits Times* that the hospital had almost reached its maximum capacity, with all wards equipped to handle Covid-19 cases.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

THE STAR, WEDNESDAY 7 OCTOBER 2020

Nation 5

## Wan Junaidi: Ministers continue working from home

**PETALING JAYA:** Observing self-quarantine has not stopped Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and Cabinet ministers from discharging their official duties.

Entrepreneur and Cooperatives Development Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar said although physical Cabinet meetings were put on hold, ministers continued to work daily from home.

"The Cabinet has not stopped functioning as affected ministers are all working from home.

"The Prime Minister is still giving us daily instructions from his end and we are carrying out our ministerial duties every day," he said when contacted.

Wan Junaidi, who is not among ministers ordered to undergo self-quarantine, said while some decisions

might require face-to-face interactions, most were done through circulars.

"Almost half of ministerial instructions are carried out through circulars," he said.

He said currently, the Prime Minister's Office was looking into using available communication technology such as video conferencing for the coming Cabinet meetings.

Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof dismissed claims by certain quarters that self-quarantine of several Cabinet ministers had affected government administration.

"There is no such thing. Work can still be done through digital platforms and by way of instructions issued through circulars," Fadillah said.

Fadillah was among several ministers undergoing self-quarantine for 14 days until Oct 16.

On Oct 3, he attended a Special Cabinet meeting with Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, who tested positive for Covid-19.

Muhyiddin, who chaired the meeting, also has to self-quarantine.

## Record 691 cases detected

### Health DG: Half of the number of infections from Tembok cluster

By JOSEPH KAOS JR  
joekaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** With a 259 jump in the number of cases within a mere day, the Covid-19 situation in Malaysia continues to escalate with the record-breaking total of 691 new infections.

The figure overtook the 432 cases reported a day earlier, which was the country's highest increase in a 24-hour span then.

The number of active cases in the country has gone up to 2,936, the highest it has been since the outbreak in January.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the Tembok cluster in Kedah recorded more than half of yesterday's cases, with 394 infections (57%).

He, however, assured the public that the cluster, which is centred at the Alor Setar Prison, was isolated from civilians.

"All the positive cases detected in the Tembok cluster are within the targeted enhanced movement control order (MCO) area. This means they are isolated from the community," said Dr Noor Hisham when giving updates on the Covid-19 situation live from his home, as he is undergoing quarantine.

The Tembok cluster has now become the biggest and most active cluster in the country, with 1,047 positive cases attributed to it so far.

A 14-day targeted enhanced MCO



**Breaking news:** A passer-by watching the broadcast of Dr Noor Hisham's press conference on TV. — Bernama

was implemented at the prison and the staff quarters in the surrounding area since Sunday.

Earlier in the day, Dr Noor Hisham had posted a graph projecting the course of Covid-19 cases with an infectivity rate (R0 value) of 0.3, 1.5, and 2.2.

With the R0 value of 0.3, it is estimated that cases will taper down to below 500 cases by Oct 31. However, with an R0 of 1.5 and 2.2, it is projected that the number of cases will rise to more than 1,000 and 4,500 cases respectively by Oct 31.

"This graph is the simplest to illustrate our current scenario. Let us all come together to flatten the curve again.

"As we approach the 10-month mark of the Covid-19 pandemic, our lives and normalcy have been fundamentally disrupted.

"Controlling the large-scale community transmission is our top priority. We need strong solidarity and unity. Together we can better fight this common enemy," he tweeted yesterday.

A graph forecasting the total number of cases by Oct 10 was also posted up by Dr Noor Hisham.

The graph showed that the country would record more than 20,000 cases by Oct 10, if the reproduction number (R0) was at 1.86.

It is an indicator of how fast Covid-19 is spreading.

With the rise of the Tembok cluster cases, Kedah remains the state with the highest number of cases with 397, followed by Sabah which has 219 cases.

Selangor reported 38 local cases, followed by Perak (eight), Negri Sembilan (seven), Johor (six), Kuala

Lumpur (four), Sarawak (three), Penang (three), Terengganu (one), Putrajaya (one) and Labuan (one).

Three cases were imported — from India, Egypt and the Philippines — while the rest were local transmissions.

Yesterday, there were four new Covid-19 related fatalities, bringing the death toll to 141 cases.

There are two new clusters — the Batu cluster in Taiping, Perak, which has seven cases, and the Ramai-Ramai cluster in Sandakan, Sabah, with 20 cases.

On the Sabah Covid-19 situation, Dr Noor Hisham said the Health Ministry had increased the capacity of its hospitals to deal with the outbreak.

"As of Oct 6, there are 2,820 beds at the Health Ministry's hospitals and 3,975 at the quarantine and low-risk centres. The usage of these facilities are 36% and 29% respectively out of the nation's total.

"As for the intensive care units (ICU), there are 437 beds set aside for Covid-19 patients, or 6% of the country's total. A total of 1,505 ventilators have been prepared at our hospitals in the state," he said.

Meanwhile, 87 more patients were discharged, bringing the total recoveries to 10,427.

Cumulatively, the country's total cases stand at 13,504.

Currently, 31 people are being treated at ICU, with eight of them requiring ventilator support.

## Prisons Dept implements strict measures to check Covid-19 surge in its facilities

**PETALING JAYA:** The Prisons Department has implemented additional measures following a surge of Covid-19 cases among detainees and staff members in its facilities.

In a statement, the department said the number of active Covid-19 cases among detainees and staff had increased from 673 cases to 1,126 as of yesterday.

"The spread among detainees began in Tawau prison when an inmate from Lahad Datu was tested positive for Covid-19 on Sept 2.

"The next cluster was detected at the Alor Setar prison on Sept 29," said Prisons Department director-general Datuk Seri Zulkifli Omar.

The government has placed the Alor Setar prison under targeted enhanced movement control order (MCO) for 14 days following a rise in Covid-19 infections there.

The department said it would follow the current standard operating procedure set by the Health Ministry, including to treat, quarantine and curb the spread of the virus related to its staff and the protection of inmates nationwide.

Besides that, the department will also strengthen the SOP in prisons.

It will also take additional measures to reduce the risk of Covid-19 infections, such as placing detainees who committed drug offences under Section 15(1) of the Dangerous Drug Act by moving them to several National Service (NS) camps which are gazetted as temporary prisons.

"The total number of inmates that can be accommodated in the NS camps are between 2,300 and 2,800," it added.

The Prisons Department will also implement the Licensed Prisoner Release programme (PBSL) on those with convictions of less than one year with the remainder of sentences less than three months, with some 11,018 inmates eligible under the programme.

"All inmates who are released under PBSL must undergo the department's strict screening process and another under the Health Ministry to ensure they are free from Covid-19," it added.

## 90 in contact with Zulkifli test negative

By TARRENCE TAN  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** A total of 90 individuals, including ministers, who were in close contact with Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, have undergone Covid-19 screening and are found to be negative, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Dr Noor Hisham also said that Zulkifli, who is Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), was currently being treated and in a stable condition.

"So far, the related health district offices are in the midst of identifying others who were in close contact with him (Zulkifli) and conduct the risk evaluation and the required screening," he said during a press conference live-streamed on

Facebook yesterday.

On Monday, Zulkifli was tested positive for Covid-19, triggering self-quarantines for Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin and several others, including ministers, who attended a meeting together on Oct 3.

Dr Noor Hisham, Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob and others were not spared from the self-quarantine order as they were present during the Oct 3 meeting conducted at the Prime Minister's Department.

Others who attended the meeting were Works Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, Education Minister Dr Radzi Jidin, Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba and Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Meanwhile, a one-year-old infant

became Malaysia's youngest victim to have died from Covid-19, said Dr Noor Hisham.

Before that, the youngest victim was a 23-year-old university student from Kota Samarahan, Sarawak, who died in April.

According to Dr Noor Hisham, the one-year-old female infant initially received treatment at the Trauma and Emergency department in Hospital Semporna on Thursday.

"Her health then deteriorated and she needed respiratory aid. The Covid-19 screening was found to be positive on Oct 5.

"She was declared dead on the same day at 4.25pm," he said.

Dr Noor Hisham did not take any questions as he was conducting the press conference in self-quarantine.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# 691 cases, four deaths

► Latest fatalities include one-year-old girl, the youngest patient to succumb to Covid-19

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** The Covid-19 pandemic hit a new high yesterday, with 691 new cases reported over a 24-hour period.

Equally disconcerting is the death of a one-year-old girl, making her the youngest fatality in the country.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the new cases, 688 were local transmissions.

Of those who have been infected in the country, 661 involved Malaysians and 27 were foreigners.

Of the three imported cases, one each had returned from the Philippines, India and Egypt. The additional cases brings the national tally to 13,504.

The Tembok cluster in Kedah accounted for most of the new infections, with 394 cases, or 57% of the total, Noor Hisham told a live

media briefing yesterday. The Tembok cluster is within the Alor Star prison.

Apart from cases in the Tembok cluster, three more have been reported in the Bah Sintok cluster, also in Kedah.

Noor Hisham said the Tembok cluster is a "confined cluster" and separated from the community. Nonetheless, the premises has been put under an enhanced movement control order.

Sabah had the second highest new cases, with 219. They comprised 216 Malaysians and three foreigners who were detected in a screening process.

There were 30 cases (10 Malaysians and 20 foreigners) in the Bangau Bangau cluster and 19 Malaysians in the Ramai-Ramai cluster.

In addition, five medical personnel were among the remaining 14 who also tested positive through screening.

Selangor reported 38 new cases, including 17 who had returned from Sabah.

Apart from Selangor, the states that have reported positive cases among returnees from Sabah are Negri Sembilan with seven cases, Johor with three, as well as Perak, Sarawak, Penang and Terengganu, with one case each.

The federal territories of Kuala Lumpur, Putrajaya and Labuan similarly reported one new case each among returnees from Sabah.

Noor Hisham said the number of patients receiving treatment has risen to 2,936. There were four fatalities, including the one-year-old girl, bringing the death toll to 141.

Thirty-one patients remain in intensive care, with eight requiring ventilator assistance.

Noor Hisham said the girl was taken to the Semporna Hospital on Oct 1 for breathing difficulties, but her heart condition continued to deteriorate.

She tested positive for Covid-19 on Monday, but died at 5.25pm the same day.

The others who also succumbed to the infection were a 60-year-old man, who died at the Duchess of Kent Hospital in Sandakan, another man, also aged 60, in Semporna and an 85-year-old man in Penang.

On the positive side, 87 patients recovered yesterday, bringing the number of recoveries to 10,427.